



KEMENTERIAN DIGITAL



## SIARAN MEDIA

---

### **LONJAKAN KES PENIPUAN DALAM TALIAN: JELAJAH ANTI-SCAM KEBANGSAAN 2024 DIPERGIATKAN LAGI**

**IPOH, 12 NOVEMBER 2024** – CyberSecurity Malaysia telah mencatatkan peningkatan dalam laporan penipuan dalam talian (*online fraud*) dengan 3,483 insiden direkodkan dari Januari hingga Oktober 2024, berbanding 3,087 insiden pada tempoh yang sama tahun lalu. Bagi mempertingkatkan kesedaran awam dalam mengenai isu ini, program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK) 2024 diteruskan di negeri Perak Darul Ridzuan, bermula dari 11 hingga 13 November 2024.

Program JASK diadakan secara kolaboratif antara CyberSecurity Malaysia dan CelcomDigi Berhad, dengan kerjasama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) serta sokongan daripada Kementerian Digital. Inisiatif ini bertujuan untuk berkongsi maklumat terkini mengenai pelbagai jenis ancaman penipuan dalam talian serta modus operandi yang digunakan, serta memberi panduan dan amalan terbaik untuk melindungi diri serta data peribadi daripada dimanipulasi untuk tujuan jenayah ini.

"Dengan peningkatan kes penipuan dalam talian yang semakin membimbangkan, kerjasama strategik seperti ini sangat penting bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang ancaman siber serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil. CyberSecurity Malaysia akan terus komited dalam usaha membina daya bingkis siber negara melalui inisiatif pendidikan, sokongan teknikal, dan kolaborasi berimpak tinggi demi melindungi kesejahteraan digital masyarakat. Usaha kita untuk memerangi penipuan siber adalah satu tanggungjawab bersama," kata Wan Roshaimi Bin Wan Abdullah, Ketua Pegawai Teknologi, CyberSecurity Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi, "Sebagai penyedia perkhidmatan digital, kami mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan pengalaman internet yang lebih selamat kepada semua warga digital. Kami menekankan prinsip A.C.T iaitu memupuk Kesedaran (*Awareness*), meningkatkan tahap Pematuhan (*Compliance*) dalam organisasi dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan, serta mengoptimumkan penggunaan Teknologi (*Technology*) dalam memerangi ancaman

scam. CelcomDigi memahami kepentingan menyediakan kesalinghubungan internet yang kondusif dan selamat untuk semua pengguna selain bertanggungjawab menyemai kemahiran penggunaan internet yang selamat di kalangan rakyat Malaysia. Kami percaya bahawa inisiatif secara kolektif ini dapat memberi impak yang besar dalam memerangi scam secara berkesan.”

Majlis Perasmian Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Perak disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO sebagai wakil rasmi YAB Menteri Besar Perak. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan dif kenamaan lain.

Program ini telah menerima sokongan dan kerjasama daripada pelbagai agensi serta institusi utama di negeri negeri Perak, termasuk Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, dan Politeknik Ungku Omar (PUO). Selain itu, Majlis Bandaraya Ipoh, Jabatan Kerja Raya (JKR), dan RTM Perak juga memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program ini. Pelbagai lapisan masyarakat, termasuk penjawat awam, pelajar institusi pengajian tinggi, pensyarah, guru, remaja, belia, ibu bapa, dan wakil komuniti, turut dijemput untuk menyertai sesi dialog serta forum mengenai kesedaran keselamatan siber.

Inisiatif ini adalah hasil cetusan GBAS, yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, organisasi swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), dan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM). Inisiatif ini turut mendapat sokongan daripada Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), Yayasan Digital Malaysia (YDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

---

**Dikeluarkan bersama oleh:**

**Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia**

**Jabatan Komunikasi, CelcomDigi Berhad**